

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud**
KAWASAN : **KOTA RAJA**
TARIKH : **10.11.2016 (KHAMIS)**
NO. SOALAN : **12**
SOALAN :

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan punca-punca kenapa kedudukan Malaysia turun dari 18 ke 25 dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2016-2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Mengikut Laporan Tahunan Daya Saing Dunia (*Global Competitiveness Report* - GCR) 2016-2017 yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia atau *World Economic Forum* (WEF), dengan izin, Malaysia telah jatuh ke tangga 25 pada tahun ini daripada 18 pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Malaysia kekal sebagai ekonomi paling kompetitif di kalangan negara membangun Asia dan berada dalam kalangan 25 ekonomi paling berdaya saing di dunia, mengatasi Republik Korea (ke-26), Iceland (ke-27), China (ke-28) dan Arab Saudi (ke-29). Di kalangan negara-negara Asia Pasifik, Malaysia berada di kedudukan ke-7 selepas Singapura, Jepun, Hong Kong, New Zealand, Taiwan dan Australia.

Malaysia mengatasi Republik Korea (ke-8), Republik Rakyat China (ke-9), Thailand (ke-10), Azerbaijan (ke-11), India (ke-12), Indonesia (ke-13), Kazakhstan (ke-14) dan Filipina (ke-15).

Tuan Yang Di Pertua,

Global Competitiveness Report (GCR) ialah laporan tahunan yang dikeluarkan oleh WEF berdasarkan kepada Indeks Daya Saing Global (GCI) yang menggabungkan 114 indikator yang meliputi aspek ekonomi makro dan mikro. Laporan ini mengenal pasti faktor-faktor yang membolehkan sesebuah negara mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran jangka panjang melalui 12 teras Indeks Daya Saing Global (GCI) iaitu Institusi, Infrastruktur, Persekitaran Ekonomi Makro, Kesihatan dan Pendidikan Rendah, Pendidikan Tinggi dan Latihan, Kecekapan Pasaran Barangan, Kecekapan Pasaran Buruh, Pembangunan Pasaran Kewangan, Kesediaan Teknologi, Saiz Pasaran, Kecanggihan Perniagaan dan Inovasi.

Dalam GCR 2016-2017, Malaysia berada di kedudukan ke-25 dalam kalangan 138 ekonomi (GCR 2015-2016: ke-18 daripada 140 ekonomi) dengan indeks skor sebanyak 5.16 berbanding 5.23 pada tahun sebelumnya. Penurunan sebanyak 7 anak tangga. Walau bagaimanapun, Malaysia berada di tempat ke-2 di kalangan negara ASEAN selepas Singapura dan mengatasi Thailand, Indonesia, Filipina Brunei Darussalam, Viet Nam, Kemboja dan Laos. Malaysia masih mempunyai kelebihan berbanding negara-negara ASEAN yang lain kecuali Singapura terutamanya dalam urusan memudahkan perniagaan, kekukuhan institusi dan infrastruktur secara keseluruhan yang lebih baik.

Walaupun mencatatkan penurunan kedudukan, tetapi jika dilihat dari

segi indeks skor, Malaysia mencatatkan skor sebanyak 5.16 daripada skor maksimum 7.0 (GCR 2015-2016: 5.23), penurunan yang minimum sebanyak 0.07. Sebahagian besar punca penurunan kedudukan Malaysia adalah disebabkan faktor luaran yang di luar kawalan penggubal dasar iaitu ketidaktentuan ekonomi global, pengukuhan dolar Amerika Syarikat, kejatuhan harga komoditi serta kelembapan ekonomi China.

Dalam laporan ini juga, kebanyakan negara-negara ASEAN lain juga turut mencatatkan kejatuhan kedudukan, antaranya Filipina di kedudukan ke-57 (ke-47) dan Laos di kedudukan ke-93 (ke-83) masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 10 anak tangga. Manakala Indonesia di kedudukan ke-41 (ke-37) dan Viet Nam di kedudukan ke-60 (ke-56) jatuh 4 kedudukan dan seterusnya Thailand di kedudukan ke-34 (ke-32), jatuh 2 kedudukan.